

26/08/2002

GWGF tidak mahu Felda tukar dasar

Khairul Anwar Rahmat

"SAYA masih ingat lagi sewaktu kecil, ibu bapa bersama peneroka lain berkumpul dan berbaris beramai-ramai selepas waktu Subuh.

"Mereka diberi taklimat cara mengurus ladang. Kedatangan diwajibkan, jika gagal tidak dapat gaji.

"Selepas itu, mereka masuk ke kebun sehingga waktu makan tengah hari dan sambung bekerja sehingga petang di ladang," kata anak peneroka Felda Gedangsa, Selangor, Tan Sri Rozali Ismail.

Katanya, selepas bekerja di ladang, ibunya dan rakan lain sibuk menyertai kelas dewasa, memasak dan menjahit. Sementara generasi kedua menyertai kegiatan sukan dan kelas tambahan yang disediakan di tanah rancangan.

Sambil menceritakan pengalaman dibesarkan sebagai anak peneroka, beliau berharap perkongsian pintar yang wujud di antara pengurusan Felda dan peneroka itu patut diteruskan oleh generasi kedua yang kini mengambil alih tugas peneroka dalam urusan pengurusan ladang komersial dan pentadbiran di tanah rancangan.

Beliau yang juga Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) berkata, pihaknya mahu cara dan sistem pengurusan Felda dulu yang memberi tumpuan khusus kepada mewujudkan dan menyusun rancangan tanah bersama peneroka diteruskan,

Katanya, GWGF tidak mahu Felda menukar dasarnya kepada sesuatu yang berasaskan komersial dengan meninggalkan ciri perancangan sosial dan peningkatan ekonomi secara perkongsian pintar.

Rozali yang juga Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga (M) Sdn Bhd berkata, banyak perkara kurang menyenangkan dikaitkan dengan peneroka di tanah rancangan Felda sejak akhir-akhir ini.

Antaranya, masalah dadah, gejala sosial, mutu pendidikan yang merosot dan sehingga satu ketika peneroka dikatakan sebagai golongan paling miskin di Malaysia.

"Kami anak generasi Felda memandang serius kenyataan seperti itu. Ia tidak boleh dibiarkan begitu saja kerana ada pandangan berkenaan yang tidak betul tetapi digunakan pihak tidak bertanggungjawab demi kepentingan peribadi mereka.

"Sebagai generasi kedua yang lahir di tanah rancangan, kami menganggap ia sebagai satu cabaran untuk bersatu dan mencari jalan penyelesaian tanpa menuding jari menyalahkan pihak lain atau kerajaan kerana tidak melakukan itu dan ini," katanya.

Rozali berkata, GWGF yang menghimpunkan anak peneroka dari seluruh negara akan merangka strategi dan program untuk melihat sendiri permasalahan berkenaan dan mengambil langkah perlu, di samping membantu Jawatankuasa Kerja Rancangan (JKKR), badan bukan kerajaan, kerajaan, Felda dan masyarakat setempat.

Bagaimanapun, beliau berharap usaha GWGF mendapat sokongan dan galakan kerajaan, Felda, JKKR dan restu ibu bapa iaitu peneroka asal tanah rancangan.

"Kami berpendapat kerjasama erat dalam konsep perkongsian pintar yang diambil dari konsep yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat mengatasi masalah dalam usaha memastikan tanah rancangan Felda terus maju.

"Jika 45 tahun lalu, ia berjaya menyusun dan mewujudkan sistem penempatan teratur, pertanian moden dan komersial, cita-cita kami mahu

melihat 45 tahun akan datang tanah rancangan menjadi contoh ladang komersial moden yang melahirkan petani moden berjaya dan berpendapatan tinggi.

"Insya-Allah, akan lahir generasi kedua, ketiga dan seterusnya yang berjaya dan menjadi kebanggaan negara kita," katanya.

Rozali berkata, kejayaan dasar pembangunan dan penempatan peneroka melalui Felda tidak dapat dinafikan.

Katanya, ia dapat dibuktikan melalui ramainya bilangan anak peneroka yang berjaya dalam pendidikan atau kerjaya masing-masing.

"Sehingga kini, lebih kurang 50,000 anak peneroka Felda berjaya menjadi ahli profesional sama ada berkhidmat dengan kerajaan, swasta atau mengusahakan perniagaan sendiri.

"Pada masa sama, seramai 10,000 anak peneroka dari seluruh negara menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta," katanya.